



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**4 APRIL 2017**

**Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU: PELUANG PEKERJAAN GOLONGAN BELIA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	4 APRIL 2017 (SELASA)	<b>SINAR HARIAN</b> 'Kurang komunikasi, nak gaji lebih'  <b>MALAYSIA GAZETTE</b> Belia lebih suka memilih kerja mudah biarpun bergaji kecil	<b>PSMB</b>  <b>PENGERUSI J/KUASA PERPADUAN &amp; SUMBER MANUSIA NEGERI JOHOR</b>

AKHBAR : SINAR HARIAN

'Kurang komunikasi, nak gaji lebih'



*CM Vignaesvaran*

**KUALA LUMPUR** - Kurang kemahiran berkomunikasi dan permintaan pendapatan yang tinggi adalah antara kesilapan yang kerap dilakukan graduan sekali gus menyebabkan kesukaran menerima tawaran pekerjaan. Ketua Eksekutif Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Datuk CM Vignaesvaran berkata, walaupun memiliki kelulusan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) namun tidak semua graduan dilihat bersedia untuk menempuh alam pekerjaan.

“Kita lihat statistik itu berdasarkan analisis yang dijalankan mengenai isu ini, kebanyakan graduan yang membuat permohonan kerja meminta gaji yang terlalu tinggi. Ini adalah antara kesilapan yang dilakukan oleh para graduan sedangkan mereka masih belum memiliki sebarang pengalaman bekerja. “Selain itu, kemahiran berkomunikasi juga adalah perkara terpenting dalam alam pekerjaan di mana golongan graduan perlu mempersiapkan diri mereka untuk meyakinkan majikan menawarkan pekerjaan kepada mereka,” katanya selepas menghadiri taklimat penubuhan Asean Data analytics Exchange (ADAX) baru-baru ini.

Menurutnya, berdasarkan keadaan itu, PSMB telah mengadakan program Graduates Enhancement Programme for Employability (Genarate) bertujuan membantu graduan meningkatkan kemahiran mereka bagi membolehkan mereka menceburi alam pekerjaan.


“Dalam program ini kita memberi latihan kemahiran tinggi dan berkemahiran yang diperlukan oleh industri kepada graduan.

“Ini adalah antara inisiatif yang dilakukan dan program ini terbuka kepada graduan yang memiliki kelulusan diploma, ijazah atau yang setara,” katanya. Pada masa sama, beliau turut menasihati graduan terbabit supaya memanfaatkan segala peluang yang ditawarkan tanpa bersikap terlalu memilih.

“Setiap kali dipanggil di temu duga, mereka perlu menghadirinya kerana banyak pengalaman yang akan diperolehi terutama dalam memperbaiki teknik kemahiran komunikasi. “Apabila ditawarkan bekerja walaupun tidak berkaitan dengan apa yang dipelajari, mereka perlu menerima sekurang-kurangnya untuk mendapatkan pengalaman sebelum mula memilih kerjaya yang lebih baik pada masa akan datang,” katanya.

#### AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE

#### **Belia lebih suka memilih kerja mudah biarpun bergaji kecil**



*R. Vidyantathan*

JOHOR BAHRU – Johor memerlukan ramai tenaga kerja terutama dalam bidang kemahiran, namun golongan belia lebih gemar memilih pekerjaan mudah dan selesa walaupun hanya ditawarkan gaji rendah. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia negeri, R Vidyantathan berkata, sebenarnya terdapat pelbagai peluang pekerjaan mendapat permintaan tinggi, misalnya di Pengerang, Kota Tinggi, yang memerlukan tenaga berkemahiran seperti jurukimpal, jurutera dan pendawai. “Namun, golongan muda lebih suka memilih bidang kerja yang mudah kerana tidak mahu bekerja di bawah panas terik matahari...mahu bekerja dengan selesa di bawah penghawa dingin walaupun ditawarkan gaji rendah.

“Pemikiran golongan itu menjadi cabaran cukup besar kepada kerajaan negeri untuk diubah. Kerja mengubah persepsi ini bukanlah mudah, tetapi kita tidak akan menyerah dan ia memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak,” katanya kepada pemberita selepas majlis penutup Kembara Kerjaya Johor Berkemahiran 4.0 2017 di Kilang Bateri, di sini, hari ini. Majlis tersebut disempurnakan Anggota Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abdul Samad. Vidyantathan berkata, pihaknya juga mendapat kerjasama daripada pihak sekolah bagi mempromosi sektor kemahiran sebagai bidang yang boleh menjamin masa depan dengan kerjaya yang tetap dan gaji lumayan. “Kita tidak hanya menumpukan golongan belia tetapi mereka yang masih belajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) misalnya, agar mereka ini bila keluar daripada sekolah tahu arah tuju dan ada peluang pekerjaan di dalam negeri.

“Kita juga mendapat kerjasama daripada kaunselor-kaunselor sekolah untuk membantu anak-anak murid mereka yang tidak tahu arah tuju agar mencuba bidang kemahiran kerana kita tidak mahu bakat-bakat di dalam negeri kita beralih ke negeri-negeri lain,” katanya.

Setakat ini, Vidyantanthan berkata, 1,194 individu mendapat penempatan dalam pekerjaan manakala 2,169 lagi berminat mengikuti kursus kemahiran. “Selain itu, 156 telah bertanya tentang peluang keusahawanan yang ditawarkan dan 852 berminat menjadi sukarelawan,” katanya. Pada Kembara Kerjaya kali ini, 20,412 pengunjung hadir sepanjang penganjuran program itu yang berlangsung selama lima hari. Program kali ini melibatkan 41 agensi terdiri daripada agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan serta swasta, dan merangkumi pelbagai sektor termasuk pembuatan, perhotelan, perabot dan hartanah.

#### ISU : CARUMAN PEKERJA

BIL	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1	4 APRIL 2017 (SELASA)	<b>UTUSAN</b> Perkeso lancar Ops Kesan bulan ini	<b>PERKESO</b>

#### AKHBAR : UTUSAN

##### Perkeso lancar Ops Kesan bulan ini

Pastikan majikan daftar syarikat, pekerja



*Roslinda Juanis (dua dari kiri) melancarkan Ops Kesan Perkeso, di Segamat, Johor, semalam.*

**SEGAMAT** - Majikan di daerah ini yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerja mereka dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bakal berdepan tindakan tegas melalui Ops Kesan yang akan dijalankan sepanjang bulan ini. Pengurus Perkeso Segamat, Roslinda Juanis berkata, sebelum ini pihaknya sudah menggesa majikan yang belum mendaftar perusahaan dan mencarum pekerja mereka supaya berbuat demikian sepanjang tempoh pemutihan bermula dari 1 hingga 31 Mac lalu.

“Sekiranya majikan masih gagal berbuat demikian dan kemudiannya dikesan Perkeso, maka kompaun akan dikenakan dan pendakwaan juga akan dilakukan ke atas mereka terutamanya sepanjang Ops Kesan dalam bulan ini. “Sepanjang tempoh operasi ini, pihak kami akan melakukan pemeriksaan terhadap majikan di daerah ini dan tidak akan menerima sebarang alasan kerana sebelum ini mereka diberikan tempoh yang cukup untuk mendaftar,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Ops Kesan 2017 peringkat Daerah Segamat di Pejabat Perkeso Segamat, di sini hari ini. Menurutnya, di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, semua majikan yang menggaji seorang atau lebih pekerja dikehendaki mendaftar dengan Perkeso dan mereka yang gagal boleh dijatuhkan hukuman penjara dua tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Katanya, sepanjang tahun lalu, sebanyak 546 majikan di daerah ini sudah dilawati dengan 295 daripadanya merupakan majikan baharu namun masih terdapat mereka yang ingkar disebabkan sikap suka bertangguh. “Pada tahun lalu, seramai 58 majikan diambil tindakan dan pada tahun ini, kami akan bermula di sekitar Bandar Utama, Bukit Siput dan Segamat Baru sebelum bergerak ke kawasan lain.

“Majikan juga perlu sedar tanggungjawab mereka, selain itu pekerja juga perlu tahu hak-hak mereka kerana kita tidak mahu sekiranya berlaku sebarang kemalangan melibatkan pekerja, mereka tidak dapat menikmati faedah daripada Perkeso,” katanya.